# SINAR HARIAN – RABU 10 JANUARI 2018



# Tahun Memperkasa Wanita

## Jalin kerjasama rapat dengan kementerian, jabatan, agensi berkaitan dan NGO

PUTRAJAYA - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan menjalin kerjasama rapat dengan kementerian, jabatan, agensi berkaitan dan NGO sempena pelaksanaan Tahun Memperkasa Wanita (TMW) tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, selain kerjasama bertujuan memperkasakan wanita dalam institusi keluarga, masyarakat dan pembangunan negara itu, pelbagai program akan turut dilaksanakan mengikut kluster bagi menjayakan TMW 2018.

Kluster itu ialah Kluster Wanita dan Kesihatan (Gaya Hidup, Kecantikan dan Sukan); Kluster Wanita dan Keselamatan; Kluster Wanita dan Ekonomi; Kluster Wanita dan Pendidikan (Latihan dan Pembangunan Kapasiti) serta Kluster Wanita dan Budaya (Kesenian dan Media).

"Pelbagai sesi penglibatan bersama rakan strategik dan personaliti akan diadakan secara berterusan bagi mendapatkan sokongan semua sektor bagi memperkasa wanita di dalam negara," katanya pada sidang media selepas menghadiri perhimpunan bulanan kementeriannya, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membentangkan Bajet 2018 mengumumkan Tahun 2018 sebagai Tahun Memperkasa Wanita bagi menghargai sumbangan kumpulan itu yang menjadi tulang belakang kepada kesejahteraan keluarga dan pembangunan negara.

Rohani berkata, dianggarkan 345 cadangan program dikumpul dan direkodkan melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dalam usaha memperkasa wanita di peringkat global.

Beliau berharap laman *Facebook* Tahun Memperkasa Wanita 2018 menjadi platform mendapatkan maklum balas, pandangan atau cadangan bagi menjayakan program agar memberi impak kepada pelaksanaan Tahun Memperkasa Wanita 2018. - Bernama

**INFO**

- Kluster Wanita dan Kesihatan
- Kluster Wanita dan Keselamatan
- Kluster Wanita dan Ekonomi
- Kluster Wanita dan Pendidikan
- Kluster Wanita dan Budaya